

Newspaper	Berita Harian
Date	26 March 2016

Tun Abdullah dilantik Penasihat PETRONAS

Kuala Lumpur: Kabinet bersetuju dengan pelantikan bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi (**gambar**) sebagai Penasihat Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) yang baharu, berkuat kuasa 1 April ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, semalam berkata Abdullah menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang



BH-26/3/2016
ditamatkan perkhidmatan sebagai Penasihat PETRONAS oleh Kabinet pada 11 Mac lalu.

"Keputusan menamatkan pelantikan Tun Dr Mahathir Mohamad sudah dibuat oleh Kabinet kerana beliau tidak lagi mendukung kerajaan yang sedia ada, khususnya dalam melancarkan 'Deklarasi Rakyat' bersama pemimpin pem-

bangkang," kata Najib dalam kenyataan.

Pada 11 Mac lalu Kabinet sebulat suara menamatkan pelantikan Mahathir sebagai penasihat PETRONAS kerana berpendapat beliau tidak lagi mendukung kerajaan sedia ada dan beliau sewajarnya tidak lagi memegang sebarang jawatan yang ada kaitan dengan kerajaan. **BERNAMA**